

Guan Eng beri keterangan kepada PAC kes tuntutan tunggal GST

BH 15/11.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, semalam memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) berhubung dakwaan tuntutan tunggal bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion yang dikatakan 'hilang'.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, pihaknya akan bermesyuarat seterusnya membuat rumusan berdasarkan keterangan Guan Eng selaku saksi terakhir untuk dilaporkan kepada Parlimen.

"Saya tidak mahu membuat kesimpulan awal, sebaliknya ki-

ta akan duduk dan meneliti setiap bukti yang diperoleh sejak bulan lalu.

Selesai secepat mungkin

"Kita berhasrat menyelesaikan siasatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya sebelum tamat penggal Parlimen ini atau akhir tahun ini," katanya selepas menghadiri mesyuarat PAC di Parlimen, semalam.

Sementara itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan terkejut apabila PAC mengangap RM19.4 bilion berkenaan masih ada dalam simpanan negara.



Ronald Kiang

"Saya terkejut tapi kita akan selidik perkara ini. Kita sudah memaklumkan kepada PAC wang itu tiada dalam simpanan negara.

"Jika wang berkenaan ada, kita tidak perlu mengambil wang daripada PETRONAS," katanya.

Ogos lalu, Guan Eng ketika membentangkan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Cukai Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 melaporkan, baki sedia ada dalam Tabung Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah RM1.48 bilion.